

Kosmo  
26/11/16  
MLS 2

Suami isteri mengaku salah halang tugas penjawat awam wanita keluar saman parkir

# Penjara, denda buli staf MBSA

**SHAH ALAM** – Tindakan biadab sepasang suami isteri membuli seorang anggota penguat kuasa wanita Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang mengeluarkan saman parkir kereta di Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh kelmarin menerima balasan apabila masing-masing dijatuhi hukuman penjara 14 hari dan denda RM3,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam.

Majistret P. Sarulatha memutuskan hukuman itu selepas Lor Ka Hoo, 35, dan isterinya, Tan Sit Fun, 30, mengaku bersalah ke atas pertuduhan yang dibacakan oleh jurubahasa mahkamah.

Mahkamah memerintahkan mereka menjalani hukuman penjara tujuh hari lagi jika gagal membayar denda.

Terdahulu dalam penghakimannya, Sarulatha berkata, hukuman yang diputuskan ke atas kedua-dua terduduh adalah untuk memberi pengajaran kepada mereka dan masyarakat agar tidak bersikap biadab terhadap penjawat awam.

“Pada masa ini kes-kes menghalang tugas kakitangan awam semakin menjadi-jadi, seperti dalam kes ini mangsa merupakan penjawat awam wanita yang diamanahkan untuk menjalankan kuasa seperti yang diperuntukkan namun penjawat awam ini diperlekehkan,” kata beliau.

Mengikut pertuduhan, Ka Hoo dan Sit Fun yang merupakan pengusaha restoran didakwa menggunakan kekerasan jenayah ke atas Nurul Ain Isa, 23, dengan niat menakutkan penjawat awam itu daripada menjalankan tanggungjawabnya.

Perbuatan itu didakwa dilaku-



**1** NURUL AIN memaklumkan dia tidak boleh membatalkan saman yang telah dikeluarkan di tempat letak kereta di Bukit Rahman Putra.



**2** SIT FUN memegang baju Nurul Ain manakala suaminya, Ka Hoo cuba merakam wajah mangsa.



**3** KA HOO menghimpit Nurul Ain dengan tubuhnya dari belakang.



**4** KA HOO dan isterinya terus mengasak mangsa termasuk mengugut untuk mencederakannya.



KA HOO



SIT FUN

kan di tempat letak kereta awam di Jalan BRP 6/11, Bukit Rahman Putra pada pukul 10.30 pagi, Khamis lalu.

Pertuduhan ke atas pasangan itu dibuat mengikut Seksyen 353 Kanun Keseksaan dibaca bersama di bawah Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ng Wee Li yang memohon hukuman setimpal dikenakan ke atas terduduh kerana kesalahan yang dilakukan adalah serius selain ia menjadi viral.

Terdahulu, peguam Gad-briel Susayan yang mewakili pasangan tersebut memohon mahkamah menangguhkan hukuman yang diputuskan sementara menunggu rayuan.

Sarulatha membenarkan pe-

“Masa ini kes-kes menghalang tugas kakitangan awam semakin menjadi-jadi, seperti dalam kes ini mangsa merupakan penjawat awam wanita yang diamanahkan kuasa diperlekehkan

**P. SARULATHA**

nangruhan hukuman sehingga selesai rayuan dan terduduh dibebaskan dengan jaminan RM2,000 setiap seorang. Pasangan suami isteri itu membayar denda tersebut.

Rakaman video menimpa Nurul Ain itu menjadi viral dalam laman sosial sehingga mengundang kemarahan orang ramai dengan tindakan pasangan suami isteri berkenaan.

Rakaman berdurasi dua minit 10 saat itu menunjukkan Nurul Ain dan seorang rakan setugasnya yang menjalankan tugas di BRP 6/11 di Bukit Rahman Putra mengeluarkan saman ke atas sebuah kereta yang tidak memamerkan kupon bayaran letak kereta.

Seorang wanita dipercayai pemilik kereta kemudian muncul dan dengan kasar mendakwa

dia sudah membeli kupon. Nurul Ain pula memberitahu, dia tidak boleh membatalkan saman yang sudah dikeluarkan.

Mendengar penjelasan Nurul Ain, wanita itu tidak berpuas hati lalu memanggil suaminya.

Lelaki itu terus menengking Nurul Ain selain mengugut mahu mencederakan mangsa, cuba menggigit jarinya dan cuba merakam gambarnya.

Nurul Ain cuba beredar beberapa kali namun dihalang dengan wanita itu memegang pakaian seragam mangsa manakala suaminya pula menghalang laluan dengan menghimpit mangsa.

Nurul Ain berjaya melepaskan diri selepas beberapa kali mencuba dan dibantu rakan setugasnya.

Berikutan kejadian itu, suami

**INFO Kes-kes halang tugas penjawat awam**

**17 Oktober 2016** - Seorang lelaki berusia 66 tahun didenda RM100 oleh Mahkamah Majistret Jawi, Pulau Pinang selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menghalang tugas penjawat awam apabila dia enggan menyerahkan kad pengenalannya

**21 Ogos 2016** - Sepasang suami isteri ditahan selepas bertindak agresif termasuk cuba menggigit seorang anggota polis yang melakukan pemeriksaan ke atas kereta dinaiki mereka dalam kejadian di Jalan Matang Baru, Kuching, Sarawak

**9 Oktober 2015** - Polis menahan dua lelaki yang didakwa memaki dan mencampak duit kepada seorang penguat kuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang selepas tayar kereta mereka dikunci di Lebuhraya Cambell, Pulau Pinang

isteri berkenaan diberkas polis di tempat kejadian sebelum mereka diheret ke mahkamah semalam dan mengaku bersalah atas perbuatan tersebut.